

Umno perlu kaji pendapat peguam

KUALA LUMPUR, Ahad — Umno akan mengkaji implikasi undang-undang sebelum meminta 11 Ahli Dewan Undangan Negeri Sabah dari Parti Usno menyertainya kerana ia belum pasti kes DUN Kelantan yang dibawa ke mahkamah mempunyai sebarang implikasi yang sama untuk Sabah dan Sarawak.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, walaupun pada dasarnya pindaan undang-undang di Kelantan dan Sabah ada persamaan, iaitu menghalang wakil rakyat bertukar parti, tetapi Umno masih perlu mendapatkan pandangan peguam.

“Saya kena kaji implikasi undang-undang terlebih dulu sebelum buat apa-apa keputusan kerana kalau tidak ada kes yang dibawa ke mahkamah, kita belum dapat apa-apa keputusan dan kita belum pasti apa yang diputuskan di Kelantan mempunyai kesan yang sama untuk Sabah dan Sarawak.

“Umno akan buat kajian. Kadang-kadang kita nampak (pindaan undang-undang di Kelantan dan Sabah) sama tetapi peguam nampak tak sama,” katanya kepada pemberita pada majlis rumah terbuka sempena Aidilfitri di kediamannya di sini.

Perdana Menteri yang juga Presiden Umno berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Timbalan Pengerusi Perhubungan Umno Sabah, Tun Datu Mustapha Harun, yang akan meminta sebelas ahli DUN Sabah dari Usno menyertai

Umno. Bagaimanapun, kata Mustapha, jemputan menyertai Umno itu diserahkan kepada Presiden parti.

Mustapha berkata demikian ketika diminta mengulas keputusan Mahkamah Agung Jumaat lalu, yang menolak rayuan Dewan Undangan Negeri Kelantan untuk membatalkan keanggotaan Nordin Salleh (Adun Sungai Pinang) dan Wan Mohd Najib Wan Mohamad (Adun Limbongan) kerana bertukar parti.

Keputusan itu mengekalkan keputusan Mahkamah Tinggi 22 Januari lalu oleh Hakim Datuk Eusoff Chin yang mengisytiharkan 8 November 1991 bahawa pindaan Perkara 31A Undang-Undang Perlembagaan Tubuh Kerajaan Negeri Kelantan sebagai tidak sah sebahagiannya kerana menyekat kebebasan yang diperuntukkan oleh Perlembagaan Persekutuan kepada anggota DUN untuk keluar parti.

Pada 25 April 1991, DUN Kelantan meluluskan Enakmen Undang-Undang Perlembagaan Tubuh Kerajaan Kelantan (Bahagian Pertama) (Pindaan) 1991 yang memutuskan kedudukan ahli DUN gugur jika mereka bertukar parti dan kawasan mereka diisytihar kosong.

Sementara itu, pada Jun 1986, DUN Sabah meluluskan Perkara 18 (2)(d) Perlembagaan Negeri yang menggugurkan keanggotaan DUN yang bertukar parti dan menghalangnya dari bertanding semula bagi tempoh lima tahun.